



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	25 JUNE 2016

## Najib sedang pertimbang rombak barisan Kabinet

UM - 25/6/2016

**KUALA LUMPUR 24 Jun** - Datuk Seri Najib Tun Razak sedang mempertimbangkan barisan Kabinet baharunya.

Perdana Menteri bagaimanapun memberitahu, beliau memerlukan masa untuk memikirkan mengenai rombakan tersebut.

"Saya memerlukan masa untuk memikirkannya," kata beliau dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di Menara Datuk Onn, di sini hari ini.

Rombakan Kabinet perlu berikutan beberapa kekosongan jawatan seperti Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi.

Dalam pada itu, ditanya sama ada kemungkinan pilihan raya umum dipercepatkan berikutan keputusan cemerlang Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Kuala Kangsar dan Sungai Besar, Najib memberitahu, situ-

asinya adalah berbeza.

Katanya, pilihan raya umum tidak sama dengan PRK dan ditentukan berdasarkan banyak faktor.

"Bagaimanapun, kami teruja dengan sokongan yang telah diterima, terutamanya apabila ada individu mengisytiharkan perlunya referendum kebangsaan ke atas kepimpinan negara yang akhirnya menjadi referendum mengukuhkan sokongan rakyat kepada kepimpinan sedia ada dan BN," jelas beliau.

Mengulas mengenai kejayaan memberangsangkan BN pada kedua-dua PRK pada 18 Jun lalu, Najib berkata, parti itu telah pun mengkaji faktor yang menyumbang kepada kemenangan tersebut.

Kata Najib, salah satunya ialah kerana kesepaduan jentera BN serta gerak kerja lebih selaras, selain tindakan pasukan yang jitu dan semangat kerja yang teguh.